

NOTA AMALAN NO. 2/2025

PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN FORMULA PEREMITAN CUKAI KE ATAS INSTRUMEN PINJAMAN JAMINAN KERAJAAN DI BAWAH AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965 (TIDAK TERMASUK INDUSTRI INSURANS DAN TAKAFUL).

1. Nota Amalan ini dikeluarkan untuk memberi penjelasan berhubung formula bagi tuntutan peremitan cukai yang diberikan oleh Menteri melalui perintah jaminan pinjaman yang dibuat di bawah peruntukan subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (AJP).
2. Perintah jaminan pinjaman adalah mekanisme pelaksanaan kuasa Menteri Kewangan di bawah subseksyen 10(1) AJP untuk meremit apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, bon, nota janji hutang atau jaminan yang tertakluk kepada AJP.
3. Lazimnya, jenis instrumen yang diterbitkan dan diberikan jaminan Kerajaan adalah termasuk bon, sukuk, nota jangka sederhana, nota jangka sederhana Islam serta kemudahan kredit pusingan bersindiket.
4. Contoh perintah jaminan pinjaman ialah Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (Digital Nasional Berhad) 2024 [P.U.(A) 469/2024] yang memperuntukkan peremitan cukai pendapatan dan duti setem ke atas Kemudahan GGRC-i yang diterima oleh Digital Nasional Berhad daripada Maybank Islamic Berhad.
5. Pembayar cukai perlu mematuhi syarat dan sekatan yang dinyatakan dalam AJP serta perintah jaminan pinjaman tersebut bagi menuntut peremitan cukai. Jumlah tuntutan peremitan cukai yang boleh dibenarkan hendaklah dikira mengikut formula yang telah ditetapkan.

6. Nota amalan ini terpakai kepada institusi perbankan, kewangan dan mana-mana pemegang instrumen yang diluluskan kecuali penanggung insurans, insurans-semula serta pengendali takaful dan takaful-semula.

7. Formula yang digunakan bagi pengiraan peremitan cukai adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Pendapatan Kasar Faedah Atau Untung}}{\text{Jumlah Pendapatan Kasar}} \times \text{Cukai Perlu Dibayar}$$

8. Nota amalan ini menjelaskan istilah yang diguna pakai dalam formula di perenggan 7 seperti berikut:

Istilah	Penerangan
Pendapatan Kasar Faedah	Faedah yang telah diterima oleh pemegang instrumen kewangan konvensional yang mana penerbitan instrumen itu telah dibenarkan untuk peremitan apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah ACP melalui perintah jaminan pinjaman di bawah AJP.
Pendapatan Kasar Untung	Keuntungan yang telah diterima oleh pemegang instrumen kewangan Islam yang mana penerbitan instrumen itu telah dibenarkan untuk peremitan apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah ACP melalui perintah jaminan pinjaman di bawah AJP.
Cukai Kena Dibayar	Cukai kena dibayar oleh pemegang instrumen untuk tahun taksiran permohonan peremitan cukai dibuat.
Jumlah Pendapatan Kasar	Pendapatan kasar pemegang instrumen daripada semua punca pendapatan dalam suatu tempoh asas bagi satu tahun taksiran.

Contoh:

Pengiraan jumlah pendapatan kasar Bank Kesuma Dewi bagi tahun taksiran 2025 adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan faedah tempatan (Pendapatan layak peremitan cukai RM1,131,455)	576,600,762
Pendapatan faedah luar negara	15,016,998
Pendapatan fi	324,750,200
Pendapatan bersih pelaburan	2,400,314
Pendapatan kasar perniagaan	918,768,274
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	
Kos operasi	(268,471,625)
Rosotnilai MFRS 9	(75,463,846)
Pendapatan pasaran	574,832,803
Tolak: Elaun modal	(26,472,500)
Pendapatan berkanun perniagaan (a)	548,360,303
Pendapatan kasar sewa	2,500,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	(500,000)
Pendapatan berkanun sewa (b)	2,000,000
Pendapatan bercukai (a) + (b)	550,360,303
Pengiraan cukai kena dibayar Cukai @ 24%	132,086,472.72
<u>Pengiraan jumlah pendapatan kasar</u>	
Pendapatan kasar perniagaan	918,768,274
Pendapatan kasar sewa	2,500,000
Jumlah pendapatan kasar	921,268,274

Bank Kesuma Dewi sebagai pemegang instrumen kewangan konvensional telah diberikan peremitan cukai di bawah ACP melalui perintah jaminan pinjaman di bawah AJP bagi pendapatan faedah tempatan sebanyak RM1,131,455.

Pengiraan peremitan cukai mengikut formula yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{RM1,131,455}}{\text{RM921,268,274}} \times \text{RM132,086,472.72} = \text{RM162,221.91}$$

Oleh itu, jumlah peremitan cukai yang layak dituntut Bank Kesuma Dewi adalah sebanyak RM162,221.91.

9. Mulai tahun taksiran 2025, syarikat boleh mengemukakan permohonan peremitan melalui pengisian dan penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui platform e-Filing.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tarikh Penerbitan: 16 Disember 2025